

MAHKAMAH AGUNG
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
JALAN RAJA
50506 KUALA LUMPUR

TEL: 2939011

(28) dlm. JK/MA 16

30 Oktober, 1991.

Semua Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Agung/Tinggi.

Tuan/Puan,

Pekeliling Pendaftar Bil. 6 Tahun 1991

Cuti Rehat Tahunan Hakim-Hakim Mahkamah
Agung/Tinggi Yang Tidak Dapat Dihakiskan

Saya telah diarahkan oleh Y.A.A. Ketua Hakim Negara untuk menarik perhatian tuan/puan kepada perkara yang disebutkan di atas.

Perkara 12, Jadual Kedua, Akta Saraan Hakim, 1971 (selepas ini disebut sebagai Akta 45) memperuntukkan seperti berikut :

" 12. LEAVE:

- (a) Vacation Leave (effective date 1.7.1977)
At the rate of 35 days in a year excluding public holidays and weekly holidays. Vacation leave shall be taken in the year in which it accrues and where, owing to exigencies of service, it has not been taken in such year, it can be carried forward into the succeeding year. Vacation leave in respect of any three consecutive years may be accumulated for the purpose of overseas travel and such accumulation and overseas travel shall be subject to prior approval. The approving authority for the purpose of this paragraph shall be -

- (i) in the case of the Lord President, the Prime Minister;
- (ii) in the case of the Chief Justices and the Federal Judges, the Lord President;
- (iii) in the case of other Judges, the Chief Justice concerned."

Disamping itu terdapat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1974 yang dikeluarkan pada 2.1.1974 dan berkuatkuasa pada 1.1.74, yang membenarkan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam mengumpul cuti rehat yang tidak dapat diambil (dengan syarat tidak melebihi 15 hari setahun) sehingga: (i) maksima 90 hari untuk digantikan dengan wang tunai berdasarkan atas gaji terakhir sesaorang pegawai; atau (ii) maksima sebanyak 180 hari untuk dijadikan perkhidmatan yang berpencen bagi maksud kiraan ganjaran dan pencen apabila bersara.

Oleh kerana Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/1974 itu tidak terpakai kepada para Hakim (Hakim bukannya pegawai dalam perkhidmatan awam bagi maksud Artikel 132(3)(c) Perlembagaan Persekutuan), Parlimen telah meminda Akta 45 dengan memasukkan Perkara 12A kepada Jadual Kedua, Akta 45 itu yang berkuatkuasa mulai 1.1.1974. Perkara 12A itu memperuntukkan seperti berikut -

"12A. PAYMENT IN LIEU OF LEAVE: (effective date 1.1.74)

Where, owing to exigencies of service a Judge is unable to take his annual vacation leave, he may elect to accumulate* up to half of his vacation leave eligibility but subject to a maximum of fifteen days in a year and, on his retirement or death -

- (a) be granted a cash award equivalent to one-thirtieth of his last-drawn monthly salary for each day up to a maximum of ninety days; or
- (b) to have converted such accumulated leave, up to a maximum of one hundred and eighty days, as reckonable service in computing his pension and gratuity.

Any vacation leave not taken in preceding* years may be taken into account when calculating accumulated leave for the purposes of this paragraph but subject;

however, to a maximum of fifteen 'days' accumulation for each year."

(Lihat PU(A) 367/80, dan PU(A) 609/84)

*Perkataan "he may elect to accumulate his vacation leave eligibility " bermakna seseorang Hakim itu boleh membuat pilihan mengumpul sehingga 15 hari daripada cuti yang beliau berkelayakan mengambilnya pada tahun itu.

*Perkataan "preceding years" bermakna "preceding years" sebelum seseorang Hakim itu bersara atau meninggal dunia dan bermula daripada tahun pertama beliau dilantik menjadi Hakim.


Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1983 bertarikh 1.5.83 dan pindaan kepadanya bertarikh 6.12.83 telah memansuhkan Pekeliling Perkhidmatan 1/1974. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/1983 yang berkuatkuasa mulai 1.1.1984 membolehkan seseorang pegawai dalam perkhidmatan awam mengumpul cuti rehatnya (sama ada untuk 90 hari bagi award gantian wang tunai atau untuk 180 hari bagi maksud penukaran kepada tempoh perkhidmatan yang dimasukira) hanya daripada cuti yang boleh dibawa ke tahun hadapan sahaja.

Perlu diambil perhatian bahawa Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/1983 tidak menjejaskan peruntukan Perkara 12A Jadual Kedua Akta 45 oleh kerana Perkara 12A itu tidak boleh dipinda oleh mana-mana Pekeliling Perkhidmatan. Dalam hubungan ini sila rujuk kepada Artikel 125(7) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan saraan dan lain-lain kemudahan untuk Hakim-Hakim tidak boleh dipinda kepada keadaan yang merugikan selepas perlantikannya.

Oleh yang demikian, bagi Hakim-Hakim, perkiraan mengumpul cuti mereka hendaklah terus dihitong mengikut peruntukan Perkara 12A Jadual Kedua, Akta 45, dan bukannya mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/1983. Contoh pengiraan mengumpul cuti bagi Hakim-Hakim di bawah Perkara 12A ialah seperti di Lampiran 'A'.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATO' WAN MOHAMED BIN WAN MUDA)
Ketua Pendaftar,
Mahkamah Agung Malaysia,
Kuala Lumpur.

s.k.:

Y.A.A. Ketua Hakim Negara.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya/Borneo.

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung.

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Malaya/Borneo.

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya/Borneo.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kehakiman Malaysia,
Tingkat 21 & 22,
Bangunan KUWASA,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Unit 3-1, Bahagian Pencen,
Tingkat 6-13, Bangunan Perangsang Segemal,
Jalan Kampong Attap,
50510 Kuala Lumpur.

Penasihat Undang-Undang,
Jabatan Perkhidmatan Awam,
(Bahagian Pencen),
Kuala Lumpur.

PERKARA 12 DAN 12A JADUAL KEDUA
AKTA SARAAH HAKIM-HAKIM 1971

(Contoh Kiraan Cuti Rehat Yang Boleh Dikumpulkan Oleh Hakim-Hakim
Dari Jumlah Cuti Yang Tidak Dapat Dihakiskan)

Misalnya seorang itu dilantik menjadi Hakim Mahkamah Tinggi
pada 1.1.1982. Perkiraan hendaklah dibuat seperti berikut :

Tahun	Cuti dibawa daripada tahun lepas	Kelayakan cuti rehat tahunan	Jumlah kelayakan setahun	Cuti yang diambil	Baki cuti	Membuat pilihan mengumpul cuti untuk gantian wang tunai	Cuti yang boleh di bawa ke hadapan	Cuti luput yang boleh dikumpulkan bagi diambil- kira tempuh perkhidmatan	Luput
1982	-	35	35	5	30	-	30	0	0
1983	30	35	65	20	45	-	35	10	0
1984	35	35	70	15	55	-	35	15	5
1985	35	35	70	28	42	-	35	7	0
1986	35	35	70	40	30	10	20	0	0
1987	20	35	55	50	5	-	5	0	0
1988	5	35	40	5	35	15	20	0	0
1989	20	35	55	10	45	-	35	10	0
1990	35	35	70	20	50	15	35	0	0
1991	35	35	70						